

Langkah bangun teknologi nano-emulsi, teknologi polarisasi

USIM, BATC meterai MoU

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 28 Jan. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus memartabatkan bidang kajian sains Islam menerusi pemeteraian memorandum persefahaman (MoU)



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

dengan Bionas Agropolitan Technology Corridor Development Bhd. (BATC) untuk menubuhkan pusat latihan sekali

gus membangunkan teknologi nano-emulsi dan teknologi polarisasi hari ini.

Lebih menarik, kerjasama tersebut bakal menyaksikan penubuhan Pusat Kecemerlangan Industri Teknologi Nano-Emulsi dan Polarisasi di USIM, iaitu yang pertama seumpamanya di dunia sekali gus membolehkan Malaysia memiliki keupayaan untuk mengeksploitasi teknologi baharu dalam lingkungan industri terbabit.

Inisiatif itu secara tidak langsung menjadikan USIM sebagai rakan kongsi BATC untuk melatih bukan sahaja dalam kalangan warga pendidik malah melahirkan modal in-



TUNKU Zain Al-Abidin Tuanku Muhriz (tengah) menyaksikan Asma Ismail bertukar-tukar dokumen MoU dengan Mohd. Safie M. Jaffri dalam majlis meterai MoU antara USIM dengan BATC di USIM, Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

dan biodiesel yang mesra alam. Kini BIONAS bertanggungjawab menghasilkan produk bio bagi diesel, petrol, *heavy fuel*, minyak jet dan pelincir," katanya.

USIM akan meneroka sumber semula jadi di negara ini yang berpotensi menjadi bahan alternatif kepada sejenis tanaman, *Jatropha Curcas* (pokok jarak) bagi menghasilkan bahan api tambahan menerusi teknologi tersebut.

BATC dengan tanda dagangan 'BIONAS' merupakan sebuah sya-

rikan yang berpangkalan di California dan merupakan syarikat terbesar dunia di dalam industri penghasilan minyak bio menggunakan tanaman tersebut.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, USIM amat tertarik dengan teknologi yang digunakan BIONAS yang dilihat sebagai contoh terbaik mengintegrasikan teknologi berkonsep ilmu berpaksi-

kan al-Quran dan sunah (*naqli*) dengan sokongan ilmu moden (*aqli*).

"Mereka (BATC) amat berminat untuk memperkembangkan teknologi ini melalui tanaman itu melalui kajian sains Islam dan bagi USIM adalah amat selari sebagai pusat pemindahan teknologi agar ia dapat dimanfaatkan kepada umum.

"Penggunaan pokok jarak ini bagi mampu menghasilkan minyak bio

dan biodiesel yang mesra alam. Kini BIONAS bertanggungjawab menghasilkan produk bio bagi diesel, petrol, *heavy fuel*, minyak jet dan pelincir," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis menandatangani MoU dengan BATC di USIM, Nilai di sini.

Turut berangkat, putera Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Zain Al-Abidin Tuanku Muhriz.

Yang turut hadir Pengerusi Eksekutif Kumpulan BIONAS, Datuk Seri Mohd. Safie M. Jaffri.

Menurut Asma, penggunaan produk minyak bio mampu memberikan penjimatan sehingga 30 peratus bagi penggunaan minyak fosil dan pengurangan pelepasan karbon dioksida sehingga 97 peratus.

"BATC akan melabur dalam membangunkan pusat ini termasuk pembinaan makmal, peralatan serta bahan mentah manakala USIM akan menyediakan ruang serta tempat tinggal bagi tenaga pakar dari BATC.

"Pensyarah USIM akan turut terlibat dalam program melatih pelatih di bawah program tersebut dan dijangkakan seramai 40 tenaga turut akan dilatih di bawah pusat ini dari serata dunia termasuk negara ini," katanya.